



**HISHAMMUDDIN** Tun Hussein (tengah) menyerahkan cek Tabung Bencana Alam RM50,000 kepada Osman Hashim (tiga dari kiri) di Kementerian Pelajaran, Putrajaya, semalam sambil diperhatikan Khairy Jamaluddin dan para Exco Pemuda UMNO.

# Pemuda UMNO tidak layan perdebatan terbuka

PUTRAJAYA 15 Jun - Pergerakan Pemuda UMNO berpendapat, sebarang cabaran pihak-pihak tertentu agar sesi perdebatan terbuka diadakan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu layan sama sekali.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini kerana pihaknya yakin menteri-menteri yang terlibat dengan beberapa isu dasar yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu mampu memberikan penjelasan.

"Bagi saya, isu itu telah dibincangkan panjang lebar dan sememangnya individu tertentu akan membuat kenyataan dan pendirian, ia tidak perlu dilayan.

"Kerana (debat) antara bekas pegawai politik atau individu lain yang tidak ada kena-mengena dengan pengubalan dasar tidak akan membantu menjawab perkara yang diminta oleh Dr. Mahathir, ia tidak akan membawa sebarang manfaat," katanya kepada pemberita selepas memengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet bagi kementeriannya, di sini hari ini.

Hishammuddin mengulas laporan akhbar-akhbar berbahasa Cina yang memetik

bekas Setiausaha Politik Dr. Mahathir, Matthias Chang mencabar Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan Timbalan Pengerusi Kumpulan New Straits Times, Datuk Kalimullah Hassan untuk berdebat secara terbuka mengenai isu-isu dibangkitkan oleh Dr. Mahathir berkenaan beberapa dasar kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

## Mengejut

Antaranya ialah keputusan mengejut kerajaan membatalkan pembinaan jambatan 'indah' bagi menggantikan sebahagian daripada Tambak Johor.

Sementara itu, pada majlis berasingan, Hishammuddin menyampaikan sumbangan RM50,000 kepada Tabung Bencana Alam Kementerian Luar bagi disalurkan kepada mangsa-mangsa gempa bumi di Yogyakarta, Indonesia.

Wisma Putra diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha I kementerian, Datuk Osman Hashim.

Hishammuddin berkata, setakat ini

pergerakan tersebut mengumpul derma sebanyak RM120,000 bagi membantu mangsa tragedi tersebut.

"Jumlah itu akan ditingkatkan melalui kutipan derma ketika mesyuarat-mesyuarat cawangan Pemuda seluruh negara yang sedang berlangsung sekarang," katanya.

Beliau berkata, selain kutipan derma, pergerakan tersebut bertindak menghantar bantuan kemanusiaan melalui Aman Malaysia diketuai Datuk Mukhriz Mahathir yang juga Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Pemuda UMNO.

Pergerakan itu juga menghantar pasukan bantuan melalui Biro Putera UMNO yang diketuai oleh Pengerusinya, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

"Pemuda sentiasa prihatin dengan rakan-rakan di Yogyakarta yang kita anggap sebahagian daripada keluarga kita sendiri.

"Ini kerana apa yang berlaku di negara lain boleh juga terjadi di negara ini, kalau kita tidak prihatin janganlah harap orang akan simpati apabila kita ditimpa bencana," katanya.